

Media Title : Harian Metro
Headline : RM308,000 lesap ditipu 'Sarjan Zuraidi'
Date : 22 October 2025
Section : Lokal
Page : 11



RM308,000 lesap ditipu 'Sarjan Zuraidi'

Johor Bahru: Pesara kerajaan kerugian RM308,000 terpedaya sindiket *phone scam* menyamar anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, mangsa lelaki berusia 69 tahun menerima panggilan telefon pertama pada 3 Jun lalu, jam 11 pagi ketika berada di kediamannya di Kampung Melayu Majidee.

Katanya, pemanggil mengaku sebagai Sarjan Zuraidi dari IPD Petaling Jaya mendakwa mangsa terbabit dalam kes pengubahan wang haram ser-

ta pembiayaan keganasan.

"Tidak lama kemudian mangsa menerima satu lagi panggilan daripada nombor telefon berbeza, kononnya dari pejabat mahkamah yang mengarahkan mangsa membuat bayaran bagi mengelakkan hukuman penjara.

"Akibat ketakutan mangsa menuruti arahan suspek dan membuat 44 transaksi pemindahan wang antara 30 Jun hingga 9 Oktober lalu, berjumlah RM308,000 ke empat akaun bank berbeza.

"Hasil semakan awal keempat-empat akaun bank terbabit tidak mempunyai rekod penipuan telefon," katanya.